

BAB V

PENUTUP

5.1. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada huraihan beberapa bab yang terdahulu dapat dibuat beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Islam telah datang ke wilayah kerajaan Melayu Deli kira-kira seiring dengan kedatangan Islam ke kerajaan Pasai di Aceh, iaitu antara abad ke 7 hingga abad ke 13 Masihi. Islam dibawa ke negeri ini adalah secara terus dari negeri Arab dan juga dari negeri India, Parsi dan China.
2. Kedatangan Islam di kerajaan Melayu Deli berdasarkan kepada dua kepentingan, iaitu kepentingan perdagangan yang dijalankan oleh para saudagar dan kepentingan dakwah Islam yang dijalankan oleh para muballigh atau juru dakwah.
3. Kedangan Islam di kerajaan Melayu Deli adalah dalam keadaan aman dan damai tanpa ada sebarang rintangan dari mana-mana pihak, hal ini sama seperti perkembangan Islam di mana-mana daerah di Indonesia.
4. Kedatangan Islam di daerah ini banyak meninggalkan kesan dan perubahan terhadap kehidupan masyarakat tempatan terutamnya suku

bangsa Melayu. Perubahan tersebut berlaku keatas beberapa aspek seperti: fahaman agama, sistem pemerintahan, sistem perundangan, sistem pendidikan serta sistem kemasyarakatan.

5. Kedatangan Islam sangat besarnya maknanya bagi kerajaan Melayu Deli, kerana telah membawa kejayaan dan merupakan asas bagi tertegaknya sebuah tamadun Islam wilayah tersebut.
6. Perkembangan Islam yang begitu pesat di wilayah bergantung kepada beberapa faktor yang memainkan peranan penting seperti: faktor persaingan alam penyebaran agama, faktor perniagaan dan faktor perkahwinan.
7. Kesucian Islam serta prinsip-prinsip kesamaan hak antara sesama manusia yang tidak dapat dibezakan antara satu dengan yang lain, seerti sistem pengkastaan di dalam fahaman Hindu, menjadikan agama ini sesuai dengan watak masyarakat Melayu sehingga mudah diterima dan berkembang dengan pesat.
8. Sebelum kedatangan mana-mana pengaruh luaran, masyarakat Melayu Deli telah memiliki asas tamadun masyarakat yang tinggi. Dengan adanya asas tamadun ini mereka mempunyai wawasan yang terbuka untuk membezakan antara yang baik dan yang buruk, sehingga mereka menemui anutan mereka yang sebenar dan sesuai dengan ciri hidup mereka.
9. Agama Islam merupakan agama resmi bagi kerajaan Melayu Deli, bahkan seluruh kerajaan Melayu Islam di Nusantara.

5.2. SARANAN

Bagi penyelesaian masalah, dalam penyelidikan ini penulis mengemukakan beberapa saranan yang dianggap penting. Saranan-saranan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerajaan Melayu Deli adalah sebagai salah satu mercu tanda tamadun Islam di Alam Melayu khususnya di wilayah Sumatera Timur. Oleh kerana itu kerajaan ini memiliki potensi besar terhadap perkembangan Islam di daerah Sumatera Timur. Dalam kesempatan ini penulis ingin memberikan saranan kepada masyarakat Melayu Sumatera secara umum dan kepada pihak berkuasa tempatan secara khasnya, supaya sentiasa mengadakan tinjauan serta penyelidikan yang serius terhadap kerajaan tersebut agar ia tetap hidup di dalam lembaran sejarah.
2. Penulis mendapati betapa sedikitnya ahli sejarah yang mengambil berat tentang penulisan sejarah kerajaan-kerajaan Melayu dan Islam di Sumatera khasnya kerajaan Melayu Deli. Oleh kerana demikian sangat sukar sekali untuk mendapatkan fakta dan data mengenai kerajaan-kerajaan tersebut. Dalam hal ini penulis berharap kepada pemerintahan daerah Sumatera Utara serta media-media cetak, supaya dapat menerbitkan lebih banyak lagi bahan-bahan bertulis mengenai kerajaan-kerajaan tersebut.

3. Perlu diadakan pendidikan sejarah yang berkaitan dengan sejarah kerajaan-kerajaan Melayu, khususnya kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara, di peringkat persekolahan supaya dijadikan sebagai contoh dan iktibar terhadap kehidupan masa lampau.
4. Penulis sangat berharap kepada pihak berkuasa di Sumatera Utara dan di seluruh Alam Melayu, agar tetap memberikan perhatian serta pemeliharaan terhadap peninggalan-peninggalan bersejarah terutama yang berunsurkan Islam.

5.3. PENUTUP

Penulisan disertasi ini adalah merupakan salah satu usaha penulis untuk menyelidiki serta mempelajari sejarah kerajaan Melayu Deli, yang mana pada suatu ketika dahulu telah tegak sebagai lambang tamadun Islam di Sumatera bahkan di Indonesia, akan etapi setelah berlakunya perubahan zaman yang diiringi oleh revolusi social menjadikannya hilang di dalang ingatan masyarakat Melayu.

Dewasa ini kita hanya dapat membaca lembaran sejarah yang bercerita tentang kemajuan daerah Sumatera Timur di zaman kerajaan Melayu Deli. Dengan berlandaskan kepada Islam kerajaan ini semakin maju dan berkembang sehingga menjadi tumpuan para saudagar asing yang ingin melaburkan modal di daerah tersebut, tetapi setelah berlakunya campur tangan penjajah yang bukan dari

golongan Islam, maka kerajaan ini semakin mundur dan akhirnya setelah revolusi kemerdekaan Indonesia kerajaan ini di hapuskan dan digabungkan di dalam pemerintahan Indonesia.

Dalam penulisan disertasi ini penulis cuba menganalisa perjalan sejarah kerajaan Melayu Deli yang berdiri megah di Sumatera Timur pada suatu masa dahulu. Dimana kerajaan ini telah mencapai kemajuan yang sebanding dengan kemajuan kerajaan Aceh, Melaka serta kerajaan-kerajaan Melayu yang lain walaupun kerajaan Melayu Deli tidak memiliki kekuatan armada seperti kerajaan-kerajaan lainnya. Kewujudan istana Maimon dan Masjid Raya al-Mansun daerah-daerah kota Maksum di tengah-tengah kota Medan adalah sebagai bukti tertegaknya tamadun Islam di kerajaan tersebut.

Harapan penulis kepada seluruh masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu Sumatera Timur, supaya kembali mempelajari serta mentelaah sejarah kegemilangan kerajaan Melayu Deli, serta kerajaan-kerajaan Islam lainnya, iaitu berusaha untuk memajukan kembali seperti zaman kejayaannya dahulu. Dengan demikian kita dapat menilai serta mencontohi terhadap faktor-faktor kejayaan masa lampau dan menjauhi segala kelemahan-kelemahan yang pernah dialami.

Akirnya penulis bersyukur kepada Allah yang Maha Kuasa, kerana dengan rahmat dan kurniaNya penulis dapat menyelesaikan kertas kerja ini dengan baik, disamping itu penulis tidak lupa pula berterima kasih kepada semua pihak yang

telah memberikan bantuan serta tunjuk ajar kepada penulis baik secara langsung atau tidak. Penulis berharap agar hasil penyelidikan ini ada manfa'atnya bagi diri penulis dan juga bagi orang lain.

Penulis
Syamsul
Rahman, S.Si.
M.Pd.
Mulya
Sudarmo
Sdi. Sud
Rahman, Syamsul
Mulya,
Tengku Aminah
Timur, Mekanik
Nasional, Medan, Yogyakarta
Jawa Tengah
1967).